

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
21 OKTOBER 2022**

---

**1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL**

- a) Dengan ini dimaklumkan bahawa Dr. Mohammad Alkis Bin Azmi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Veterinar dari Universiti Malaysia Kelantan telah dilantik menjadi Pegawai Veterinar Gred GV41 di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, berkuatkuasa 1 Oktober 2022. Berpengalaman sebagai Doktor Veterinar di Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd.
  
- b) Puan Nur Inayah Binti Mohd Khazid berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ukur Bahan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah dilantik menjadi Juruukur Bahan (Kontrak) Gred J41 berkuatkuasa 1 Oktober 2022 dan ditempatkan di Jabatan Kejuruteraan. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik- baiknya.

## **2. PERSARAAN PENGARAH PERANCANG BANDAR MBSP**

MBSP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Puan Norliza Bt Abdullah**, Pengarah Perancang Bandar MBSP yang akan bersara wajib berkuatkuasa **21 Oktober 2022**. Beliau telah berkhidmat selama 29 tahun di Majlis Bandaraya Seberang Perai. Semoga beliau terus berjaya di dalam apa jua bidang yang akan diceburi kelak.

## **3. KEJAYAAN PROGRAM OPS CROSS MBSP 2022**

Operasi Crow Sharpshooter (Ops CroSS) MBSP 2022 dijalankan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) pada 13 Ogos 2022, Seberang Perai Utara (SPU) pada 24 September 2022 dan Seberang Perai Selatan (SPS) pada 15 Oktober 2022. Sebanyak 15 lokasi hotspot telah dipilih di setiap daerah SPT, SPT dan SPS yang melibatkan seramai 69 orang penembak berlesen.

Secara keseluruhan bagi ketiga-tiga daerah di Seberang Perai bagi Operasi Crow Sharpshooter (Ops CroSS MBSP), Daerah SPT telah berjaya melupuskan sebanyak 4,168 ekor burung

gagak, Daerah SPU sebanyak 3,043 ekor burung gagak dan Daerah SPS sebanyak 2,812 ekor burung gagak. Secara keseluruhan, sebanyak 10,011 ekor burung gagak telah berjaya dilupuskan dan melepas sasaran 10,000 ekor gagak yang ditetapkan.

Penembak terbanyak bagi Daerah SPT Encik Pauzul Kamil Bin Ramli sebanyak 299 ekor gagak, Daerah SPU Encik Tan Chee Haw sebanyak 289 ekor gagak dan Daerah SPS Encik Zulkifli Bin Yaacob@Man sebanyak 168 ekor gagak.

Terima kasih kepada semua peserta terlibat dan semoga usaha ini dapat kita mengurangkan populasi burung gagak yang terlalu banyak di Seberang Perai sehingga menyebabkan kacauganggu kepada penduduk.

#### **4. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI PADA 24 OKTOBER 2022**

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Deepavali disambut pada

24 Oktober 2022 (Isnin) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**